

29/08/2003

Kursus hiasan dalaman bagi 14,700 usahawan

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Usahawan akan melatih kira-kira 14,700 usahawan di seluruh negara mengenai kepentingan aspek hiasan tingkap, dalaman dan susun atur barangan di premis perniagaan untuk menarik perhatian pelanggan dalam dan luar negara.

Timbalan Menteri, Datuk Khalid Yunus, berkata langkah itu selaras idea yang dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad yang mahu melihat premis perniagaan mempamerkan hiasan dalaman yang cantik, seperti di luar negara.

Berikutan itu, katanya, lima kursus berkaitan hiasan dalaman dan susun atur barang diadakan sejak Jun lalu membabitkan 856 usahawan terutama yang menyewa premis milik kementerian itu dan agensinya seperti Mara, perbadanan kemajuan ekonomi negeri dan Uda Holdings.

Katanya, usaha itu dijalankan kerana mahu premis miliknya menjadi contoh pemilik bangunan dan kompleks perniagaan di seluruh negara dari segi hiasan tingkap, dalaman dan susun atur barang untuk membantu penyewa meningkatkan perniagaan.

Setakat ini, agensi di bawah kementerian membina 14,700 lot premis perniagaan dan 67 peratus daripadanya diuruskan perbadanan kemajuan ekonomi negeri, manakala 33 peratus lagi di bawah Mara.

"Ini bermakna 14,700 usahawan perlu mendapatkan pendedahan mengenai hiasan dalaman dan jumlah itu akan menjadi bertambah besar apabila ia membabitkan pemilik dan pengurus premis serta usahawan Bumiputera yang menyewa premis perniagaan milik swasta," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Hiasan Tingkap dan Susun Atur Barang di sini, semalam.

Khalid turut menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara kerajaan dengan Presiden Pertubuhan Jurureka Dalaman Malaysia (MSID).

Seminar dua hari itu dihadiri kira-kira 300 peserta di kalangan pegawai dari pelbagai kementerian, agensi kerajaan, wakil dewan perniagaan serta persatuan perdagangan dan perindustrian dari seluruh negara yang bertanggungjawab membimbing dan membantu usahawan.

Khalid berkata, kementeriannya juga melaksanakan beberapa pendekatan seperti setiap kompleks perniagaan perlu menyediakan khidmat perunding hiasan tingkap dan hiasan dalaman serta mewajibkan sesiapa yang menduduki premis perniagaan milik kementerian untuk mengikuti kursus hiasan tingkap.

"Selain itu, satu model premis perniagaan yang mempunyai hiasan tingkap sebagai penanda aras dan mengadakan kerjasama dengan MSID dalam menyediakan kepakaran," katanya.

Mengenai kesukaran peniaga dan usahawan kecil mendapatkan pinjaman, beliau berkata, perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan sudah menyediakan pelbagai kemudahan termasuk membuka pejabat Mara pada peringkat daerah.

Malah, katanya, tempoh kelulusan untuk setiap pinjaman yang dipohon juga dilonggarkan syaratnya sejak enam bulan lalu, selain kemudahan pinjaman Tekun yang tidak memerlukan penjamin dan tidak bersyarat.